

**SOALAN LAZIM  
PROMOSI JOM SIMPAN SSPN-i**

1. **Soalan:**

Apakah itu 'Promosi Jom Simpan SSPN-i'?

**Jawapan:**

Promosi Jom Simpan SSPN-i adalah kempen yang dirangka untuk menggalakkan rakyat Malaysia menabung bagi tujuan pendidikan tinggi dan memberi peluang kepada pendeposit SSPN-i yang membuat simpanan dalam Tempoh Promosi untuk memenangi **hadiah wang tunai**.

2. **Soalan:**

Bilakah Tempoh Promosi ini berlangsung?

**Jawapan:**

Tempoh Promosi ini bermula pada 1 Julai 2020 hingga 31 Oktober 2020.

3. **Soalan:**

Apakah syarat-syarat untuk menyertai kempen ini?

**Jawapan:**

Syarat-syarat untuk menyertai kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada pendeposit SSPN-i;
- ii. Pendeposit perlu **membuka akaun atau membuat penambahan simpanan semasa Tempoh Promosi**.
- iii. Bilangan cabutan adalah berdasarkan kepada **simpanan bersih terkumpul pendeposit, iaitu penambahan simpanan ditolak pengeluaran dalam Tempoh Promosi**. Tiada had untuk bilangan cabutan.
- iv. **Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif sehingga tamat Tempoh Promosi**.
- v. Promosi ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);

4. **Soalan:**

Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?

**Jawapan:**

Bagi rakyat Malaysia yang berminat untuk menyertai kempen ini dan memenuhi kriteria di atas perlu mempunyai akaun SSPN-i dan membuat simpanan dalam Tempoh Promosi. Simpanan bersih yang dibuat dalam tempoh tersebut adalah layak mendapat cabutan dengan kaedah kiraan bilangan cabutan seperti berikut:

Simpanan Bersih Terkumpul Dalam Tempoh Promosi	Bilangan Cabutan
Simpanan bersih kurang RM8,000.00	Setiap RM100 simpanan bersih bersamaan 1 cabutan
Simpanan bersih RM8,000.00 dan ke atas	Setiap RM100 simpanan bersih bersamaan 2 cabutan

5. **Soalan:**

Di manakah pembukaan akaun/ penambahan simpanan SSPN-i boleh dibuat?

**Jawapan:**

Pembukaan akaun/ penambahan simpanan SSPN-i boleh dibuat secara *online* dengan melayari [www.lovesspn.com](http://www.lovesspn.com), di kaunter cawangan PTPTN atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik.

6. **Soalan:**

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan penyertaan Promosi Jom Simpan SSPN-i?

**Jawapan:**

Tidak perlu kerana kelayakan Promosi Jom Simpan SSPN-i ini adalah automatik bagi pendeposit yang layak.

7. **Soalan:**

Jika pendeposit meninggal dunia, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

Layak, tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

8. **Soalan:**

Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

**Jawapan:**

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat Tempoh Promosi. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

9. **Soalan:**

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?

**Jawapan:**

Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang adalah:

Pemenang	Hadiah Tahunan	Bilangan Hadiah
Pertama	Hadiah Tunai bernilai RM100,000.00	1
Kedua	Hadiah Tunai bernilai RM30,000.00	1
Ketiga	Hadiah Tunai bernilai RM10,000.00	1
Saguhati	Hadiah Tunai bernilai RM500.00	500

10. **Soalan:**

Bagaimanakah makluman kepada pemenang promosi Jom Simpan SSPN-i akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ e-mel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).

11. **Soalan:**

Bilakah hadiah berbentuk ganjaran tunai akan dikreditkan kepada pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) dalam **tempoh DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Pendeposit boleh menyemak penyata simpanan di Portal Rasmi PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)) atau menghubungi talian Careline 03-2193 3000 untuk info lanjut.

12. **Soalan:**

Adakah pendeposit yang telah memenangi hadiah promosi ini boleh mengeluarkan hadiah tunai yang dimenangi?

**Jawapan:**

Hadiah tunai yang dimenangi perlu dikekalkan di dalam akaun SSPN-i selama **3 bulan daripada tarikh cabutan**.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat **Promosi Jom Simpan SSPN-i**.*

**Maklumat dikemas kini pada 01 Julai 2020**